

Bengkel media USIM

BARISAN penceramah berpengalaman luas dan terbabit secara langsung dalam industri penyiaran serta percetakan media menjayakan Bengkel Penyiaran Media Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Kehadiran penceramah berwibawa, contohnya, pengacara TV3, Ahmad Fedtri Yahya, mendedahkan kepada peserta aspek penyiaran media elektronik terutama segmen yang popular sebagai rujukan dan memperbaiki ketajaman penulisan bagi media elektronik.

Menambah keterujaan 35 peserta program itu apabila segmen penulisan rencana dan berita dikendalikan Pengarang Pendidikan Berita Harian, Muhd Yusuf Abu Bakar dan Mohd Saiful Mohd Sahak daripada Utusan Malaysia membolehkan mereka mendapat panduan teknik penulisan berkualiti.

Tidak ketinggalan, aspek fotografi dan multimedia yang dikendali jurugambar antarabangsa, Mahfooz Nabi Rasul daripada NIKON yang berpengalaman bekerja dengan National Geographic berpangkalan di New York, Amerika Syarikat serta Pegawai Teknologi Kanan Bahagian Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa USIM, Mohd Saiful Abdul Samad.

Program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM itu bertujuan memberi peluang kepada warga USIM mendapat pendedahan mengenai dunia penyiaran khususnya segmen berita akhbar perdana serta memperkaya gaya penulisan dan pengetahuan dalam bidang multimedia.

Perasmian program disempurnakan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad.



SEBAHAGIAN peserta Bengkel Penyiaran Media USIM 2011.